



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Aras 7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7873 Faks: 03-8889 4948

Emel: ksu@kwpkb.gov.my

Laman web: [www.kwpkb.gov.my](http://www.kwpkb.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

**"SUMBANGAN RM 100.00 KEPADA PESARA KERAJAAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN YANG HADIR KE PROGRAM SESI  
RAMAH MESRA BERSAMA YB MENTERI WILAYAH  
PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

**PUTRAJAYA, 25 Februari 2012** – Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah mengadakan Sesi Ramah Mesra bersama Pesara Kerajaan Wilayah Persekutuan pada 23 Februari 2012 (Khamis) bertempat di Institut Latihan DBKL, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur. Dalam ucapan sempena majlis tersebut, YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah mengumumkan bahawa setiap pesara kerajaan yang hadir dalam majlis tersebut akan menerima sumbangan wang tunai sebanyak RM100.00 setiap seorang sebagai tanda penghargaan kepada pesara kerajaan Wilayah Persekutuan yang telah banyak berbakti kepada kerajaan.

Justeru, pengagihan sumbangan wang tunai tersebut akan dilaksanakan berdasarkan perkara berikut:

- i. Semua pesara kerajaan yang hadir akan menerima **surat rasmi** yang dikeluarkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

- ii. Sumbangan tersebut akan diberikan kepada mereka **yang hadir dan telah berdaftar** semasa majlis tersebut; dan
- iii. Kepada mereka yang hadir pada majlis tersebut tetapi tidak mendaftar, pihak kementerian akan menyemak senarai pengesahan kehadiran (RSVP) melalui telefon yang telah diterima sebelum **23 Februari 2012**.

Pembayaran akan dilaksanakan secara berperingkat bermula pada **12 Mac 2012 hingga 24 Mac 2012** berdasarkan kaedah di bawah:

- i. Melalui **Electronic Fund Transfer (EFT)** ke dalam akaun bank peribadi pesara, atau;
- ii. Melalui **pejabat cawangan DBKL** yang berhampiran dengan alamat kediaman masing-masing di Wilayah Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**DATO' HAJI AHMAD PHEBAL BIN TALIB**

**Ketua Setiausaha**

**Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar**

25 Februari 2012

PUTRAJAYA